

MAHATHIR - ELEKTRIK

(I)

KUALA LUMPUR, 1 DIS (BERNAMA) -- PROJEK HAIDRO-ELEKTRIK BAKUN DI SARAWAK AKAN MEMBANTU GOLONGAN MISKIN KERANA IA DAPAT MEMBEKAL SUMBER TENAGA MURAH; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

GOLONGAN KAYA TIDAK RISAUKAN KOS TINGGI BEKALAN ELEKTRIK KERANA MEREKA BERKEMAMPUAN TETAPI TIDAK GOLONGAN MISKIN, UJAR PERDANA MENTERI.

PERLAKSANAAN PROJEK YANG DICADANGKAN ITU BERNILAI \$8 BILLION, YANG TERBESAR SEUMPAMANYA DI ASIA, TELAH DIPERSETUJUI PADA DASARNYA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN.

KEPUTUSAN INI TELAH DIUMUMKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM SEMALAM SEMASA BELIAU MERASMIKAN WISMA SESCO BERNILAI \$33.5 JUTA-- IBU PEJABAT PERBADANAN BEKALAN ELEKTRIK SARAWAK

- DI PETRA JAYA, KUCING.

+JIKA ANDA MAHUKAN ELEKTRIK YANG MURAH BAGI RAKYAT ANDA MESTI MEMAJUKAN SUMBER TENAGA YANG MURAH,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERAIKAN 30 ORANG KANAK-KANAK DI JAMUAN TEH DI SRI PERDANA -- KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI, DI SINI.

KANAK-KANAK ITU DARI BEBERAPA BAHAGIAN NEGARA TELAH DIAMBIL SEBAGAI ANAK ANGKAT OLEH PEMUDA UMNO DI BAWAH PROGRAM YANG DIKENALI SEBAGAI +RANCANGAN TUNAS HARAPAN+ ANJURAN +YAYASAN GERAKBAKTI PEMUDA+. -- LAGI.

1951MST 01 12 85

D773

U B587 DEB

MAHATHIR - ELEKTRIK 2 KUALA LUMPUR

(I)

KEPADA SATU PERTANYAAN PEMBERITA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PASTI AKAN MELAWAT SABAH. +IA JUGA SEBAHAGIAN DARIPADA MALAYSIA. CUMA SAYA TIDAK MEMPUNYAI MASA SEKARANG.+

TERDAHULU, SEMASA BERUCAP DI MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI PEMUDA UMNO KERANA +MELAKUKAN SESUATU+ UNTUK MENOLONG ORANG MISKIN MENERUSI PROGRAM ITU.

+INI ADALAH SATU CARA YANG POSITIF MENOLONG ORANG MISKIN DARIPADA SETAKAT MELAUUNG-LAUNGKAN SLOGAN POLITIK,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA SESETENGAH DARIPADA KANAK-KANAK ITU AKAN TINGGAL BERSAMA-SAMA KELUARGA YANG BERLAINAN BANGSA. INI KATANYA, AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMAHAMI BUDAYA, ADAT RESAM DAN NILAI KAUM LAIN.

PERSEFAHAMAN SEUMPAMA ITU ADALAH PERLU DALAM SEBUAH MASYARAKAT BERBILANG KAUM. -- LAGI.

2017MST 01 12 85

D775

U B588 DEB

MAHATHIR - ELEKTRIK 3 KUALA LUMPUR

(I)

+PERSEFAHAMAN INI LEBIH MUDAH DITANAM PADA GOLONGAN MUDA DAN AKAN MENIMBULKAN PERASAAN MUHIBBAH DAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT,+ KATA BELIAU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENERIMA DERMA BERJUMLAH \$52,000 DARIPADA BEBERAPA BUAH SYARIKAT UNTUK YAYASAN GERAKBAKTI PEMUDA DI MAJLIS ITU.

> BEBERAPA SYARIKAT JUGA MENDERMA BUKU TEKS, BATEK DAN KASUT UNTUK DIBAHAGI-BAHAGIKAN OLEH YAYASAN ITU.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DAN MENTERI PERTANIAN ENCIK ANWAR IBRAHIM YANG JUGA KETUA PEMUDA UMNO DAN PENGERUSI YAYASAN ITU. -- BERNAMA